

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT**  
**PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[MARANG]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah telah dilakukan Audit Prestasi terhadap sistem-sistem perisian komputer yang dibekalkan kepada Kerajaan seperti e-Perolehan, e-Bahan, *Human Resources Management Information System* (HRMIS) dan termasuk sistem perisian untuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Kementerian Pendidikan dan Pengajian Tinggi, sekiranya ada apakah hasilnya.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan melalui Jabatan Audit Negara melaksanakan Auditan Prestasi terhadap sistem-sistem perisian komputer bagi menyemak aspek

kawalan dalaman, penggunaan sistem, reka bentuk sistem dan pencapaian integrasi. Auditan Prestasi dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun dan hasil auditan dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Hasil penemuan Auditan Prestasi ini dijadikan petunjuk kepada agensi-agensi Kerajaan bagi mengambil tindakan pembetulan dengan melaksanakan program pengurusan perubahan (*change management*), pembetulan pengaturcaraan dan menambahbaik modul-modul, antara lain termasuklah Sistem e-Perolehan dan Sistem Pengurusan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.